



Ruj. Kami : JPNK. 600-11/1/1 Jld. 36(51)
Tarikh : 19 Mei 2024

Naib Presiden

Kuala Lumpur Engineering Science Fair
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
Cheras
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM *THE 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND 2024 ANJURAN KUALA LUMPUR SCIENCE AND ENGINEERING FAIR DAN MALAYSIA MENTAL LITERACY MOVEMENT*

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 25 Mac 2024 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** pihak tuan untuk mengadakan program dengan mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Mendapat persetujuan daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah berkenaan;
- 2.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 2.4 murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.5 Pihak penganjur hendaklah menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.6 Tidak akan memberi implikasi kewangan kepada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.7 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM.

JPNK.600-11/1/1 Jld. 36(51)

3. Pihak tuan adalah diminta berhubung dan berbincang dengan Pengetua sekolah-sekolah yang berkenaan. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah menyarankan agar aspek keselamatan dan kesihatan diberi keutamaan pada setiap masa. Kebenaran ini adalah untuk tujuan tersebut di atas sahaja. Kebenaran ini adalah tertakluk seperti tujuan dimohon sahaja oleh pihak tuan kepada sekolah berkenaan dan adalah **sah pada 08 hingga 10 November 2024.**

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai (**Rujuk Lampiran**).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ISMAIL BIN OTHMAN, BCK.)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah